



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-4/1(15)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 9/2015

PELAKSANAAN SISTEM TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN NEGERI SABAH

TUJUAN

1. Selaras dengan pelaksanaan Kerajaan Elektronik Negeri Sabah, pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan penggunaan Sistem Elaun Perjalanan Kenderaan iaitu Pengurusan Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan secara atas talian (*online*).

LATAR BELAKANG SISTEM

2. Pada masa ini Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan dilaksanakan secara manual di peringkat jabatan dan memerlukan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPANS) sebelum tuntutan boleh dilakukan bagi penggunaan kenderaan yang tidak dibeli melalui pinjaman kenderaan. Oleh kerana proses kerja dilakukan secara manual dan bilangan permohonan yang banyak dari semua jabatan, maka ada kalanya kelulusan mengambil masa yang agak lama. Lanjutan dari permasalahan tersebut, maka Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) telah membangunkan satu sistem aplikasi yang mampu mempercepatkan proses-proses tuntutan dan mengurangkan penggunaan kertas serta memantapkan lagi perkhidmatan.

3. Sistem ini dibangunkan berpandukan kepada perenggan 5.9 Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/2013 dan menggunakan borang JBN 03 sebagai medium tuntutan, dan boleh diakses dengan menggunakan mana-mana komputer yang dirangkaikan dengan rangkaian Sabah.Net dan semua data disimpan di pusat pangkalan data utama.

CIRI-CIRI SISTEM APLIKASI

4. Kelebihan sistem aplikasi ini adalah seperti berikut:
- (i) Butiran gaji pemohon adalah terkini berdasarkan maklumat yang disimpan dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2);
 - (ii) Pengkelasan kadar adalah secara automatik mengikut gaji dan sukatan silinder kenderaan;
 - (iii) Pengiraan kadar bayaran dilakukan secara automatik;
 - (iv) Makluman Pegawai pelulus adalah mengikut kaedah sistem e-cuti, oleh itu *empowerment* dapat dijamin;
 - (v) Kawalan terhadap tarikh akhir tuntutan (10hb bulan berikutnya yang bertujuan mengelakkan permohonan lewat dihantar); dan
 - (vi) Pengurangan penggunaan kertas kerana semua proses dilakukan atas talian (*online*).

KAWALAN DALAM PENGAKSESAN SISTEM

5. Kementerian/Jabatan hanya boleh mengakses maklumat tuntutan elaun perjalanan kenderaan jabatan masing-masing sahaja. Semua Ketua Jabatan boleh mengakses maklumat terperinci tuntutan elaun di Ibu Pejabat dan semua pejabat cawangannya; dan
6. Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah sebagai pemilik proses boleh mengakses maklumat tuntutan di semua kementerian/jabatan.

PELAKSANAAN

7. Pekeliling ini hendaklah dilaksanakan oleh semua Kementerian dan Jabatan, termasuk Bahagian, Unit, Biro dan Pejabat di Jabatan Ketua Menteri, Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. Semua Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan:
- 8.1 Pelaksanaan Sistem Elaun Perjalanan Kenderaan secara *online* digunakan di jabatan masing-masing secara berterusan;
 - 8.2 Tuntutan elaun secara manual tidak akan diproses *kecuali* terdapat masalah teknikal seperti kemudahan internet tidak ada di pejabat tersebut.
 - 8.3 Latihan mengenai penggunaan sistem ini boleh diperolehi daripada Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN), pejabat cawangan JPKN atau Kumpulan Sokongan IT (KSIT), mana yang berkenaan.

RUJUKAN

9. Sebarang pertanyaan mengenai data atau maklumat dalam sistem ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.
10. Sebarang pertanyaan mengenai bantuan teknikal sistem tersebut hendaklah dirujuk kepada [Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri](#).

TARIKH BERKUATKUASA

11. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

12. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: 27 Julai 2015

s.k Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil